

21 OCT 1999

Mahathir-BN

PERKONGSIAN KUASA PELBAGAI PARTI BAWA BN TERUS MEMIMPIN MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 21 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata semangat perkongsian kuasa antara pelbagai parti politik dalam Barisan Nasional (BN) selama ini akan membawa BN terus memimpin Malaysia ke mercu kejayaan.

Perdana Menteri berkata berbekalkan semangat dan falsafah perjuangan BN, gabungan 14 parti politik yang mewakili pelbagai kaum rakyat Malaysia itu, telah dan akan terus mengemudi Malaysia.

"Saya yakin sebagai satu pasukan yang kental dan padu kita akan terus berjaya di dalam mengharungi segala rintangan bagi mempertahankan martabat bangsa dan maruah negara.

"Kita seharusnya berbangga dengan kecapaian kita mentadbir negara walaupun ramai pihak asing yang pada mulanya menyangkal kebolehan kita dan begitu yakin kita akan gagal," kata beliau dalam lembaran alu-aluan sambutan ulang tahun BN ke-25 yang diedarkan kepada pemberita hari ini.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata sejarah perjuangan BN sebagai sebuah ikatan pelbagai parti tidak akan memberi erti sekiranya ia tidak berpaksikan kepada sistem demokrasi berparlimen dengan kebebasan bagi rakyat untuk menentukan pucuk pimpinan negara melalui pilihan raya umum yang demokratik.

Perdana menteri berkata bagi menentukan nasib masa depan bangsa dan maruah negara sentiasa terjamin, semua anggota BN hendaklah sentiasa mempersiapkan diri bagi menuju alaf baru dengan semangat lebih jitu untuk mempertahankan perjuangan dan matlamat BN.

"Yakinlah hanya di bawah pimpinan kerajaan Barisan Nasional sahajalah yang akan terus memberi kebahagiaan kepada seluruh rakyat tanpa mengira kaum dan agama demi masa depan yang lebih cemerlang," kata beliau.

Sementara itu Setiausaha Agung BN Datuk Seri Mohamed Rahmat memberitahu persidangan berita di ibu pejabat BN di sini bahawa tema "Teguh, Padu ke Alaf Baru" telah dipilih bagi sambutan 25 tahun BN itu, yang dijangka disambut tidak kurang 300,000 rakyat di seluruh negara.

Katanya, tema itu dipilih untuk mengajak rakyat terus bersama-sama mendukung kerajaan BN yang kukuh dan kuat bagi membolehkan Malaysia menghadapi pelbagai cabaran dan persaingan baru di alaf akan datang.

"BN berhasrat membina hari esok yang lebih cemerlang bagi Malaysia yang lebih bahagia dan kita percaya rakyat akan tetap bersama BN bagi mewujudkan kerajaan yang lebih kukuh untuk menghadapi cabaran globalisasi, ledakan teknologi maklumat dan bahaya-bahaya baru di jalan yang lebih sukar," katanya.

Mohamed berkata Dewan Tertinggi BN berpendapat perlu diadakan sambutan terbesar ulang tahun ke-25 itu kerana ia penting untuk mengingatkan rakyat jelata mengenai sumbangan besar BN dan peranan yang telah dimainkan sejak zaman Perikatan untuk bangsa dan negara.

"Tanpa Perikatan dulunya, dan kini BN, percayalah bahawa Malaysia tidak semudah itu mencapai kemerdekaan dan terus maju ke tahap yang dinikmati sekarang," kata Mohamed, yang juga berharap generasi muda dapat mengenali dan menghayati perjuangan BN supaya dapat menjadi penyambung perjuangan itu.

Beliau berkata perjuangan BN akan lebih cemerlang jika generasi muda dapat meneruskannya, lagi pun tiada pilihan yang lebih baik dari segi parti dan kerajaan yang boleh memerintah Malaysia dengan berkesan dan berhasil selain BN.

"Kita berjaya menangani ancaman dalaman dan luaran seperti darurat dan konfrontasi... kita juga telah wujudkan kemakmuran, perpaduan dan keharmonian hidup berbilang kaum sejak 42 tahun merdeka," katanya.

Menurutnya, konsep BN telah cuba dicontohi banyak negara lain yang sedar bahawa Malaysia bukan sahaja berjaya mengatasi masalah perkauman ketika negara-negara lain masih bergelumbang dengan persengketaan etnik, bahkan telah berjaya mewujudkan satu bangsa Malaysia yang kuat.

Mengenai sambutan itu, Mohamed berkata acara utama di Stadium Nasional Bukit Jalil pada Ahad ini ialah amanat oleh Dr Mahathir yang akan menentukan arah tuju perjuangan BN di masa depan dalam menangani cabaran baru.

"Dr Mahathir juga akan membuat ikrar BN untuk rakyat jelata kerana dalam hendak memajukan Malaysia yang cemerlang kita memerlukan sokongan rakyat jelata," katanya, sambil menambah bahawa jasa dan budi rakyat menyokong BN akan dibalas dengan kerja kuat oleh pemimpin BN untuk kesejahteraan rakyat.

Beliau berkata walaupun ia merupakan perhimpunan politik terbesar oleh BN setakat ini, ia juga mempelawa setiap rakyat bersama-sama memeriahkan sambutan itu dan menjadikannya perhimpunan rakyat.

"Kita mahu Stadium Nasional bukan sahaja penuh bahkan melimpah... begitu juga dengan sambutan serentak di stadium-stadium negeri," katanya.

Aturcara bermula dengan persembahan seni budaya pada pukul 6 petang hingga 7 malam, diikuti perbarisan melintasi pentas utama, bacaan doa, nyanyian lagu Negaraku, menaikkan bendera BN diiringi lagu BN dan bacaan sajak.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selaku pengerusi jawatankuasa induk sambutan akan menyampaikan ucapan sebelum Dr Mahathir menyampaikan amanat khas yang dijadualkan pukul 9.15 malam.

Mohamed berkata Ikrar BN akan dibacakan pada pukul 10.15 malam.

-- BERNAMA

MNY NMO